Mar Yanni bt Che Lah (pemilik tunggal yang berniaga di bawah gaya dan nama Imzaron Enterprise) lwn Persekutuan Pengakap-Pengakap Malaysia (yang diperbadankan di bawah Akta Persekutuan Pengakap-Pengakap Malaysia (Pemerbadanan) 1968)

MAHKAMAH TINGGI (MELAKA) — RAYUAN SIVIL NO MA-12BC-2–04 TAHUN 2024
MOHD RADZI ABDUL HAMID H
28 FEBRUARI 2025

Kontrak — Pihak-pihak — Pihak-pihak kepada kontrak — Plaintif memasuki kontrak dengan defendan pertama bagi suatu projek naik taraf bangunan — Plaintif memfailkan tuntutan terhadap defendan kedua sebagai badan induk defendan pertama bagi menuntut bayaran — Sama ada defendan kedua adalah pihak kepada kontrak — Sama ada defendan kedua sebagai badan induk defendan pertama bertanggungan ke atas kontrak

Prosedur Sivil — Rayuan — Kelewatan — Kelewatan menyerahkan notis dan rekod rayuan — Tuntutan plaintif ditolak oleh mahkamah sesyen — Plaintif memfailkan rayuan — Defendan kedua membangkitkan bantahan awal tentang kelewatan penyampaian notis rayuan dan rekod rayuan — Sama ada terdapat arahan amalan berkaitan penyampaian melalui komunikasi elektronik — Sama ada penyampaian melalui komunikasi elektronik adalah berkuatkuasa dan sah — Sama ada terdapat kelewatan dalam menyampaikan notis rayuan dan rekod rayuan — Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 A 1A, A 55 kk 3(4), 4(8) & A 62 k 6(1)(cc)

Prosedur Sivil — Tindakan — Kausa tindakan — Pembuktian kausa tindakan — Plaintif memasuki kontrak dengan defendan pertama bagi suatu projek naik taraf bangunan — Plaintif memfailkan tuntutan terhadap defendan kedua sebagai badan induk defendan pertama bagi menuntut bayaran — Sama ada defendan kedua adalah pihak kepada kontrak — Sama ada defendan kedua sebagai badan induk defendan pertama bertanggungan ke atas kontrak — Sama ada plaintif membuktikan satu kausa tindakan terhadap defendan kedua — Akta Persekutuan Pengakap-Pengakap Malaysia (Pemerbadanan) 1968 (Disemak 2016) — Prosedur Organisasi dan Peraturan Pengakap Malaysia 2010

Perayu dalam kes semasa sebagai plaintif di mahkamah sesyen telah memfailkan tuntutan terhadap Persatuan Pengakap Malaysia Negeri Melaka

('defendan pertama') dan Persekutuan Pengakap-Pengakap Malaysia ('defendan kedua'/ 'responden') bagi menuntut jumlah sebanyak RM729,203 sebagai bayaran bagi satu projek naik taraf bangunan berdasarkan kontrak yang dimasuki antara plaintif dan defendan pertama. Tuntutan plaintif terhadap defendan kedua telah ditolak oleh mahkamah sesyen berdasarkan alasan, antara lain, bahawa defendan kedua bukanlah pihak kepada kontrak tersebut. Terkilan dengan keputusan tersebut, plaintif telah memfailkan rayuan semasa. Isu-isu yang perlu diputuskan dalam rayuan plaintif adalah: (a) sama ada defendan kedua adalah pihak kepada award tender dan kontrak tersebut; dan (b) jika defendan kedua bukan pihak kepada kontrak tersebut, sama ada defendan kedua sebagai badan induk tetap bertanggungan ke atas kontrak tersebut. Defendan kedua telah membangkitkan bantahan awal terhadap rayuan semasa berdasarkan isu teknikal iaitu kelewatan plaintif menyerahkan notis rayuan dan rekod rayuan mengikut A 55 dibaca bersama A 62 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 ('KKM 2012'). Defendan kedua berhujah bahawa walaupun notis rayuan dan rekod rayuan telah disampaikan terlebih dahulu melalui emel oleh plaintif, namun, A 62 k 6(1)(cc) KKM 2012 yang dirujuk oleh plaintif jelas memperuntukkan bahawa penyampaian melalui komunikasi elektronik adalah tertakluk kepada arahan amalan, dan memandangkan tiada lagi arahan amalan yang diterbitkan mengenai perkara tersebut, maka penyampaian secara emel adalah tidak sah.

Diputuskan, menerima bantahan awal defendan kedua dan menolak rayuan plaintif dengan kos sebanyak RM2,500:

(1) Terdapat dua bahagian kepada peruntukan A 62 k 6(1)(cc) KKM 2012. Pertamanya, mengenai penyampaian melalui komunikasi elektronik dan keduanya, penyampaian tersebut harus dilakukan mengikut apa-apa arahan amalan yang diterbitkan. Mahkamah berpandangan bahawa frasa '... mengikut apa-apa arahan amalan ...' dalam peruntukan tersebut adalah satu keperluan mandatori dan bukan hanya satu arahan atau 'directory' dan frasa tersebut juga menunjukkan niat penggubal undang-undang agar pemakaian peruntukan komunikasi elektronik adalah tertakluk kepada satu perincian pemakaian melalui arahan amalan. Adalah fakta yang tidak boleh dinafikan bahawa arahan amalan berkaitan penyampaian elektronik masih belum diterbitkan. Maka, penyampaian secara elektronik belum lagi menjadi satu cara penyampaian yang berkuatkuasa (lihat perenggan 14, 16–17 & 19).

(2) Mahkamah mengambil maklum bahawa mahkamah tidak harus terlalu bersedia untuk membatalkan rayuan hanya atas isu teknikal tanpa peluang diberikan kepada pihak-pihak untuk membetulkan ketidakpatuhan dan juga tanpa penilaian merit rayuan selaras dengan peruntukan A 1A KKM 2012. Walaupun begitu, adalah menjadi prinsip

undang-undang yang jelas dan mantap bahawa pematuhan kepada peruntukan had masa di bawah A 55 KKM 2012 adalah wajib (lihat perenggan 21).

(3) Beban untuk menentukan sama ada rayuan semasa difailkan mengikut kehendak KKM 2012 terletak pada plaintif sebagai perayu. Mahkamah mendapati bahawa peguam plaintif telah melanggar peruntukan A 55 k 3(4) KKM 2012 apabila menyampaikan notis rayuan pada 25 April 2024, melebihi tempoh 14 hari dari tarikh pemfailan notis rayuan pada 5 April 2024 dan juga telah melanggar A 55 k 4(8) KKM 2012 apabila menyerahkan rekod rayuan pada 16 Mei 2024, iaitu lebih daripada had satu bulan dari tarikh notis rayuan. Selanjutnya, plaintif juga telah gagal untuk memfailkan satu permohonan terlebih dahulu untuk melanjutkan masa penyampaian. Oleh itu, plaintif gagal melepaskan beban untuk membetulkan ketidakpatuhan terhadap peruntukan dan ketidakaturan penyampaian notis rayuan dan rekod rayuan melalui satu permohonan di hadapan mahkamah. Percubaan plaintif untuk memperbetulkan keadaan pada pendengaran rayuan semasa adalah tidak wajar (lihat perenggan 24–26).

(4) Mahkamah mendapati bahawa plaintif telah gagal membuktikan satu kausa tindakan terhadap defendan kedua atas pertimbangan, antara lainnya: (a) tiada keterangan yang menunjukkan bahawa defendan pertama telah diberikan kuasa atau izin untuk memasuki kontrak tersebut atas nama atau bagi pihak defendan kedua sebagai perbadanan induk; (b) tiada keterangan yang menunjukkan bahawa defendan kedua telah membuat apa-apa representasi atau tindakan yang menyebabkan plaintif mempercayai bahawa defendan pertama telah bertindak atas satu kuasa atau izin dari defendan kedua; (c) tiada keterangan yang menunjukkan bahawa plaintif pernah berurusan dengan defendan kedua bagi tujuan tender dan award kontrak; (d) Akta Persekutuan Pengakap-Pengakap Malaysia (Pemerbadanan) 1968 (Disemak 2016) dan Prosedur Organisasi dan Peraturan Pengakap Malaysia 2010 tidak memperuntukkan bahawa defendan kedua bertanggungan secara bersama atau 'vicarious' terhadap kontrak yang dimasuki oleh Majlis Pengakap Negeri tanpa izin atau kuasa daripada defendan kedua; dan (e) defendan kedua tidak pernah menjadi pihak kepada tender, award dan kontrak berkenaan (lihat perenggan 27).

[English summary

The appellant in the present case as plaintiff in the sessions court filed a claim against the Malaysian Scout Association of Melaka ('the first defendant') and the Scouts Association of Malaysia ('the second defendant'/'the respondent') to claim the sum of RM729,203 as payment for a building upgrade project based on a contract entered into between the plaintiff and the first defendant. The plaintiff's claim against the second defendant was dismissed by the sessions

court on the grounds, among others, that the second defendant was not a party to the said contract. Aggrieved by the said decision, the plaintiff filed the present appeal. The issues to be decided in the plaintiff's appeal were: (a) whether the second defendant was a party to the tender award and the said contract; and (b) if the second defendant was not a party to the said contract, whether the second defendant as the governing body was still liable for the said contract. The second defendant raised a preliminary objection to the present appeal based on a technical issue, namely the plaintiff's delay in serving the notice of appeal and the record of appeal in accordance with O 55 read with O 62 of the Rules of Court 2012 ('the ROC'). The second defendant argued that although the notice of appeal and the record of appeal were served first by email by the plaintiff, O 62 r 6(1)(cc) of the ROC referred to by the plaintiff clearly provided that service by electronic communication was subject to practice direction, and since there was no practice direction published on the matter, service by email was invalid.

Held, accepting the preliminary objection of the second defendant and dismissing the plaintiff's appeal with costs of RM2,500:

(1) There were two limbs under the provision of O 62 r 6(1)(cc) of the ROC. Firstly, regarding service by electronic communication and secondly, that the service must be made in accordance with any published practice direction. The court opined that the phrase '... in accordance with any practice direction ...' in the provision was a mandatory requirement and not merely a direction or 'directory' and that the phrase also indicated the intention of the legislator that the application of the electronic communication provision was subject to a practice direction detailing such application. It was an undeniable fact that practice direction relating to electronic service had not yet been published. Therefore, electronic service had not yet become an enforceable method of service (see paras 14, 16–17 & 19).

(2) The court noted that court should not be too eager to strike out an appeal solely on technical issues without giving the parties an opportunity to remedy the non-compliance and without assessing the merits of the appeal in accordance with the provisions of O 1A of the ROC. However, it was a clear and well-established legal principle that compliance with the limitation of time provisions under O 55 of the ROC was mandatory (see para 21).

(3) The burden of determining whether the present appeal was filed in accordance with the requirements of the ROC lay with the plaintiff as the appellant. The court found that the plaintiff's counsel had contravened the provisions of O 55 r 3(4) of the ROC when serving the notice of appeal on 25 April 2024, exceeding the period of 14 days from the date of filing the notice of appeal on 5 April 2024 and had also contravened

O 55 r 4(8) of the ROC when serving the record of appeal on 16 May 2024, which was more than the limit of one month from the date of the notice of appeal. Furthermore, the plaintiff had also failed to file an application in advance to extend the time for service. Therefore, the plaintiff failed to discharge the burden of correcting the non-compliance with the provisions and irregularity in the service of the notice of appeal and the record of appeal by means of an application before the court. The plaintiff's attempt to rectify the situation at the hearing of the present appeal was improper (see paras 24–26).

(4) The court found that the plaintiff had failed to establish a cause of action against the second defendant on the grounds, inter alia: (a) there was no evidence to show that the first defendant was given authority or permission to enter into the contract in the name or on behalf of the second defendant as the governing body; (b) there was no evidence to show that the second defendant had made any representation or action which caused the plaintiff to believe that the first defendant had acted on the authority or permission of the second defendant; (c) there was no evidence to show that the plaintiff had dealt with the second defendant for the purpose of the tender and the contract award; (d) the Scouts Association of Malaysia (Incorporation) Act 1968 (Revised 2016) and the Scouts Association of Malaysia's Policy Organisation and Rules 2010 did not provide that the second defendant was jointly or vicariously liable for a contract entered into by the State Scout Council without the permission or authority of the second defendant; and (e) the second defendant was never a party to the tender, award and contract in question (see para 27).]

Kes-kes yang dirujuk

Abdul Hamid Mohd Amin v Ramacon Corporation Sdn Bhd [2016] 3 CLJ 111; [2015] MLRHU 1116, MT (dirujuk)

Chen Kong Theatres Sdn Bhd (in liquidation) & Ors v Lee Giok Tee @ Lee Kim Hong & Anor [2018] 6 MLJ 586; [2018] 8 CLJ 10; [2018] MLRAU 137, MR (diikut)

Duli Yang Amat Mulia Tunku Ibrahim Ismail Ibni Sultan Iskandar Al-Haj Tunku Mahkota Johor v Datuk Captain Hamzah bin Mohd Noor and another appeal [2009] 4 MLJ 149; [2009] 4 CLJ 329; [2009] 1 MLRA 528, MP (dirujuk)

Gan Hay Chong v Siow Kian Yuh & Anor [1975] 2 MLJ 129; [1975] CLJU 42; [1975] 1 LNS 42, MP (dirujuk)

Lee Guat Eng v Tan Lian Kim [1985] 2 MLJ 196; [1985] CLJU 26; [1985] 1 LNS 26, SC (dirujuk)

Lim Kwee Fen & Anor (trading under the name and style of HH Fresh Market) v KT Home Mart Sdn Bhd [2023] 10 MLJ 506; [2022] 9 CLJ 943; [2022] MLRHU 1551, MT (dirujuk)

Orion Tower Sdn Bhd v Shanghai City Sdn Bhd [2022] MLJU 2413; [2022]

CLJU 2094; [2022] 1 LNS 2094, MT (dibeza)
R Rama Chandran v The Industrial Court of Malaysia & Anor [1997] 1 MLJ 145; [1997] 1 AMR 433; [1997] 1 CLJ 147; [1996] 1 MLRA 725; [1996] 1 MELR 71, MP (dirujuk)
Ratnam v Cumarasamy & Anor [1965] 1 MLJ 228; [1964] CLJU 237; [1964] 1 LNS 237, PC (dirujuk)
Redang Paradise Vacation Sdn Bhd v Yap Chuan Bin and other appeals [2017] 5 MLJ 35; [2017] 10 CLJ 296; [2017] 1 LNS 1326; [2018] 2 MLRA 421, MR (dirujuk)
Rosli bin Almanzur v Mohamd Ridzwan bin Kithur Mohamed (sebagai wakil diri Kithur Mohamed bin Mohd Idris) [2024] MLJU 282; [2024] CLJU 223; [2024] AMEJ 0259; [2024] MLRHU 479, MT (dirujuk)
Tong Kim Soo v Tirai Prospektif Sdn Bhd [2019] MLJU 946; [2020] 3 CLJ 353; [2019] MLRAU 296, MR (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Pesekutuan Pengakap-Pengakap Malaysia (Pemerbadanan) 1968
Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 A 1A, A 55, A 55 kk 3, 3(4), 4(8), A 62, A 62 k 6, 6(1)(cc), A 63A, A 63A k 10, A 93, A 93 k 3B

Phang Jai Juet (Phang & Partners) bagi pihak perayu.
Goh Boon Yee (BK Goh & Goh) bagi pihak responden.

Mohd Radzi Abdul Hamid H:

PENGENALAN

[1] Ini adalah keputusan mahkamah terhadap notis rayuan bertarikh 5 April 2024 yang telah difailkan oleh pihak plaintif yang telah terkilan dengan keseluruhan keputusan mahkamah sesyen pada 29 Mac 2024 yang telah menolak tuntutan plaintif terhadap defendan kedua untuk jumlah RM729,203 sebagai bayaran kerja-kerja projek 'Menaiktaraf Bangunan Sedia ada Kem Pengakap Melaka serta Lain Lain Kerja Yang Berkaitan di Kem Pengakap Negeri Melaka, Kampung Pengkalan Badak, Bukit Katil, Melaka' dengan kos RM20,000 ('rayuan').

LATAR BELAKANG FAKTA

[2] Fakta kes menunjukkan kesemua dokumen notis tender bertarikh 10 September 2019 (PPMNM/T1/219), laporan penilaian tender (PPMNM/T1/2019) dan tuntutan bayaran telah dikeluarkan atas nama defendan pertama. Dalam kesemua dokumen yang berkenaan, defendan pertama telah disebut sebagai satu cawangan perbadanan yang telah diperbadankan di bawah Akta Pesekutuan Pengakap-Pengakap Malaysia (Pemerbadanan) 1968 ('Akta 784'). Suatu penghakiman ingkar kehadiran

memihak plaintif telah direkodkan terhadap defendan pertama pada 1 Disember 2021 dan penghakiman tersebut masih kekal tanpa diketepikan.

[3] Tuntutan plaintif terhadap defendan kedua adalah atas dasar defendan kedua sebagai badan induk Persekutuan Pengakap-Pengakap Malaysia ('PPM') berkewajipan untuk menanggung liabiliti bersama defendan pertama ke atas kontrak kerja-kerja yang telah dilaksanakan oleh plaintif. Plaintif mendakwa bahawa meskipun semua dokumen tender, perlantikan, dan pembayaran dikeluarkan atas nama defendan pertama, namun defendan pertama telah bertindak dengan kebenaran dan kuasa daripada defendan kedua sebagai badan induk.

[4] Dalam menentang tuntutan plaintif, defendan kedua menyatakan bahawa defendan pertama bukan suatu entiti yang telah diperbadankan secara sah di bawah Akta 784. Oleh itu, defendan kedua tidak bertanggungjawab terhadap tindakan defendan pertama yang telah memasuki kontrak bersama plaintif. Di samping itu, memandangkan semua kontrak tersebut didaftar atas nama defendan pertama, defendan kedua menegaskan bahawa pihak-pihak yang terlibat dalam kontrak adalah plaintif dan defenden pertama sahaja.

KEPUTUSAN MAHKAMAH SESYEN

[5] Hakim mahkamah sesyen telah menolak tuntutan plaintif terhadap defendan kedua berdasarkan alasan:

(a) defendan pertama merupakan pihak yang telah mempelawa plaintif untuk membida tender menerusi notis tender yang bertarikh 10 September 2019;

(b) tiada keterangan untuk menunjukkan bahawa plaintif telah menerima awad tender dari defendan pertama mahupun defendan kedua;

(c) keterangan saksi plaintif SP2 telah mengesahkan bahawa defendan kedua tidak terlibat dalam transaksi tender tersebut kerana laporan penilaian tender adalah daripada defendan pertama;

(d) keterangan lisan saksi tidak boleh diterima pakai oleh mahkamah untuk menyanggah keterangan dokumentar atas prinsip keterangan parole dimana keterangan dokumentar menunjukkan pihak yang telah megeluarkan pelawaan tender dan segala urusan berikutannya adalah defendan pertama dan bukan defendan kedua;

(e) defendan kedua tidak menjadi pihak kepada kontrak berkenaan; dan

(f) defendan pertama bukan entiti yang wujud di bawah Akta 784 dan tidak mempunyai kuasa atau kapasiti untuk memasuki sebarang perjanjian atau mengikat defendan kedua kepada mana-mana perjanjian.

ISU YANG DIBANGKITKAN

[6] Dalam prosiding pendengaran rayuan ini, selain daripada hujahan berkaitan isu substantif pihak defendan kedua telah membangkitkan bantahan awal terhadap rayuan ini atas isu teknikal yakni kelewatan plaintif menyerahkan notis rayuan dan rekod rayuan mengikut A 55 yang dibaca bersama A 62 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 seperti berikut:

> 2 Rayuan melalui pendengaran semula dengan notis (A 55 k 2)
>
> Semua rayuan ke Mahkamah Tinggi hendaklah dengan cara pendengaran semuia dan hendaklah dibawa dengan memberikan suatu notis rayuan dalam *empat belas hari* dari tarikh keputusan itu dirayu.
>
> ...
>
> 4 Rekod rayuan (A 55 k 4)
>
> (1) Dalam hal suatu rayuan daripada suatu keputusan selepas perbicaraan, perayu hendaklah dalam *satu bulan* dari tarikh pemfailan notis rayuan menyediakan dan memfailkan bilangan salinan rekod rayuan yang diperlukan di Mahkamah Tinggi dan rekod itu hendaklah mengandungi salinan —
>
> ...
>
> 6 Penyampaian biasa: Bagaimana dilaksanakan (A 62 k 6)
>
> (1) Penyampaian apa-apa dokumen, yang bukan dokumen mengikut Kaedah-Kaedah ini dikehendaki disampaikan secara kediri, bolehlah dilaksanakan:
>
> (a) dengan meninggalkan dokumen itu di alamat yang sewajarnya orang yang hendak disampaikan dokumen itu;
>
> (b) dengan pos berdaftar berbayar dahulu;
>
> (c) dengan faksimile mengikut perenggan (3);
>
> (cc) dengan *cara komunikasi elektronik mengikut apa-apa arahan amalan* yang dikeluarkan bagi maksud itu;
>
> (d) mengikut cara lain sebagaimana yang dipersetujui antara pihak yang menyampaikan dengan pihak yang disampaikan; atau
>
> (e) mengikut apa-apa cara lain sebagaimana yang diarahkan oleh Mahkamah.

[7] Setelah mendengar hujahan pihak-pihak, mahkamah ini mendapati bahawa isu-isu substantif berkisar kepada persoalan seperti berikut:

(a) sama ada defendan kedua menjadi pihak kepada awad tender dan kontrak kerja dengan plaintif; dan

(b) jika defendan kedua bukan pihak kepada kontrak itu, sama ada defendan kedua tetap bertanggungan di atas kontrak dengan plaintif sebagai badan induk Persekutuan Pengakap-Pengakap Malaysia.

A HUJAHAN PIHAK-PIHAK BERKENAAN BANTAHAN AWAL

[8] Defendan kedua menegaskan bahawa rayuan plaintiff tidak kompeten kerana notis rayuan hendaklah difailkan dalam tempoh 14 hari daripada tarikh keputusan yakni pada atau sebelum 12 April 2024 memandangkan keputusan mahkamah sesyen bertarikh 29 Mac 2024. Defendan kedua berhujah bahawa notis rayuan telah diserahkan secara emel oleh plaintiff pada 5 April 2024 dan salinan fizikal hanya diterima oleh pejabat defendan kedua melalui kurier pada 25 April 2024. Manakala rekod rayuan juga diserahkan oleh plaintiff kepada defendan kedua secara emel pada 3 Mei 2024 dan rekod fizikal hanya dihantar melalui kurier kepada peguam defendan kedua pada 16 Mei 2024.

[9] Pihak defendan kedua berhujah bahawa plaintif telah gagal mematuhi A 55 dan 62 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 kerana penyerahan notis rayuan dan rekod rayuan kepada defendan kedua secara emel. Oleh kerana plaintif hanya bergantung kepada penyerahan melalui emel tanpa mengambil kira peruntukan jelas dalam A 62 k 6(1)(cc) Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 bahawa penyempaian melalui komunikasi elektronik tertakluk kepada arahan amalan, dan memandangkan tiada lagi arahan amalan yang diterbitkan mengenai perkara itu, maka penyampaian secara emel adalah tidak sah. Defendan kedua merujuk kepada kes *Rosli bin Almanzur v Mohamd Ridzwan bin Kithur Mohamed (sebagai wakil diri Kithur Mohamed bin Mohd Idris)* [2024] MLJU 282; [2024] CLJU 223; [2024] AMEJ 0259; [2024] MLRHU 479 di mana Mahkamah Tinggi Pulau Pinang di dalam kes itu memutuskan oleh kerana tidak ada arahan amalan mengenai serahan secara eletronik yang berkuatkuasa, maka penyerahan dokumen melalui emel tidak sah dalam sisi undang-undang dan tidak patuhi peruntukan A 62 k 6(1)(cc).

[10] Pihak plaintif pula menghujahkan bahawa serahan secara emel adalah satu serahan yang sah mengikut peruntukan Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 dan defendan kedua tidak boleh dikatakan telah diprejudis dengan serahan secara elektronik. Selain itu, plaintif menyatakan bahawa fakta dalam kes *Rosli Almanzur* yang dirujuk oleh defendan kedua perlu dibezakan, di mana dalam kes tersebut, emel yang dihantar tidak disertakan bersama notis dan rekod rayuan sedangkan notis dan rekod rayuan di dalam rayuan ini telah diserahkan melalui emel disusuli dengan serahan salinan fizikal. Rujukan telah dibuat kepada keputusan di dalam *Orion Tower Sdn Bhd v Shanghai City Sdn Bhd* [2022] MLJU 2413; [2022] CLJU 2094; [2022] 1 LNS 2094 di mana mahkamah memutuskan bahawa bahawa ketiadaan satu arahan amalan tidak akan menghalang mahkamah daripada mengguna pakai peruntukan untuk penyampaian secara elektronik.

PERTIMBANGAN MAHKAMAH

[11] Setelah membaca, meneliti dan menilai hujahan pihak-pihak, mahkamah mendapati bahawa isu bantahan awal defendan kedua mengenai keiewatan penyerahan notis dan rekod rayuan memeriukan perbincangan yang lebih terperinci.

[12] Menyentuh terlebih dahulu keputusan mahkamah dalam kes *Orion Tower Sdn Bhd* yang dirujuk oleh plaintif mengenai pentafsiran A 62 k 6, mahkamah mendapati bahawa fakta kes terkait dengan kelewatan penyerahan affidavit sokongan dan bukan notis rayuan dan rekod rayuan. Sebaliknya, isu kelewatan penyampaian notis rayuan dan rekod rayuan dalam rayuan ini menyentuh isu ketidakteraturan rayuan itu sendiri dan bukan setakat penerimaan keterangan affidavit. Maka fakta di dalam kes *Orion Tower Sdn Bhd* dan rayuan ini perlu dibezakan affidavit.

[13] Mahkamah juga merujuk kepada keputusan kes *Lim Kwee Fen & Anor (trading under the name and style of HH Fresh Market) v KT Home Mart Sdn Bhd* [2023] 10 MLJ 506; [2022] 9 CLJ 943; [2022] MLRHU 1551 (MT); di mana Mahkamah Tinggi telah mengambil pendekatan yang ketat dalam pentafsiran peruntukan A 62 k 6 mengenai penyampaian secara elektronik. Di dalam kes itu, mahkamah mendapati oleh kerana tiada arahan amalan mengenai penyampaian secara elektronik yang berkuatkuasa, maka penyampaian secara kediri atau kepada peguam pihak tetap perlu dilaksanakan. Keputusan di dalam *Lim Kwee Fen* telah dirujuk pakai dalam kes *Rosli Almanzur*.

[14] Peruntukan A 62 k (6)(1)(cc) telah diperkenalkan melalui Kaedah-Kaedah Mahkamah (Pindaan) 2020 (PU (A) 351/2020) yang berkuatkuasa pada 15 Disember 2020. Pembacaan A 62 k 6(1)(cc) tersebut menunjukkan terdapat dua bahagian kepada peruntukan itu. Pertamanya, mengenai penyampaian melalui komunikasi elektronik dan keduanya, penyampaian itu harus dilakukan mengikut apa-apa arahan amalan yang diterbitkan. Dalam erti yang lain, penyampaian melalui komunikasi emel harus mematuhi kehendak arahan amalan yang diterbitkan.

[15] Sebagai contoh, A 63A Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 mengenai pemfailan secara elektronik dengan tertib dan teratur memperuntukkan tatacara pemfailan dokumen secara elektronik dan pemakaiannya dalam menentukan masa untuk penyampaian (A 63A k 10), pindaan dokumen yang difail secara elektronik (A 63A k 12) dan pemakaian anggapan anggapan (A 63A k A14). Maka, apabila merujuk kepada A 62 k 6(1)(cc), mahkamah ini tidak boleh membuat andaian bahawa penyampaian secara emel semata-mata adalah mencukupi tanpa berpandukan apa-apa arahan amalan yang bakal

memperincikan tatatertib dan peraturan penyampaian secara emel seperti digariskan dalam A 63A.

[16] Pada pandangan mahkamah ini, adalah menjadi niat penggubal undang-undang supaya pemakaian peruntukan komunikasi elektronik adalah tertakluk kepada satu perincian pemakaian melalui arahan amalan. Jika tidak, tiada keperluan untuk memasukkan frasa 'mengikut apa-apa arahan amalan yang di terbitkan untuk tujuan itu'. Maka kesannya, mahkamah melihat bahawa selagi tiada arahan amalan yang diterbitkan, pemakaian peruntukan A 62 k 6(1)(cc) adalah tergantung dan tidak berkuatkuasa.

[17] Selain itu, adalah juga pandangan mahkamah ini bahawa perkataan '... mengikut apa-apa arahan amalan ...' adalah satu keperluan mandatori dan bukan hanya satu arahan atau 'directory'. Di dalam kes *R Rama Chandran v The Industrial Court of Malaysia & Anor* [1997] 1 MLJ 145; [1997] 1 AMR 433; [1997] 1 CLJ 147; [1996] 1 MLRA 725; [1996] 1 MELR 71, HMP Edgar Joseph Jr mentafsirkan frasa 'in accordance with any written law' sebagai tidak berlawanan atau menyalahi mana-mana undang-undang:

> Next, in my view, the words 'in accordance with any written law', are the equivalent of 'not repugnant to', 'not in conflict with' or 'not inconsistent with statute law'.

[18] Berpandukan pandangan itu, mahkamah ini berpendapat frasa '... mengikut apa-apa arahan amalan ...' atau '... in accordance with any practice direction ...' juga membawa maksud bahawa penyampaian secara elektronik itu tidak boleh berlawanan atau menyalahi apa-apa arahan amalan itu.

[19] Aturan 93 k 3B Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 pula memperuntukkan bahawa hanya Ketua Hakim Negara boleh mengeluarkan arahan amalan untuk tujuan lebih melancarkan perlaksanaan atau lebih memberi kesan kepada Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 atau demi keadilan, keselamatan awam, kepentingan awam dan sebab-sebab lain. Adalah fakta yang tidak boleh dinafikan bahawa arahan amalan berkaitan penyampaian elektronik masih belum diterbitkan. Maka, penyampaian secara elektronik belum lagi menjadi satu cara penyampaian yang berkuatkuasa. Seperti diputuskan didalam kes *Lim Kwee Fen*:

> [14] In my view, the reliance on O 62 r 6(1)(cc) as a mode of service was a futile act. The appellants argued that 'email' was a form of electronic communication envisaged by O 62 r 6(1)(cc) and therefore the service by email on 6 January 2022 was valid. The argument was most unbecoming. This is because the argument is based solely on the first part of the para (cc) which states, 'by means of electronic communication' which I accept 'email' is one but completely ignores the second part which states, 'in accordance with any practice direction issued for that purpose'. Counsel could not say what the practice direction says because the

practice direction has not been issued yet. It does not exist. In my view, without the practice direction, the mode of service under para (cc) cannot be affected. A valid service can only be made in accordance with such practice direction and one must wait until that happens. In the meantime, there can be no valid service by way of email under para (cc). In the circumstances, I had no hesitation in holding that the manner of service utilised by the appellants did not fall within the mode envisaged in O 62 r 6(1)(cc).

[20] Berbalik kepada rayuan ini, adalah jelas bahawa peguam plaintif telah mengguna pakai A 62 k 6(1)(cc) tanpa menghiraukan bahagian kedua peruntukan itu. Walaupun menurut peguam plaintif, peguam defendan kedua telah membuat pengakuan penerimaan emel pada 8 April 2024 melalui perbualan telefon, namun pengakuan penerimaan itu bukaniah satu kaedah penerimaan yang diperuntukkan di bawah Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012. Mahkamah ini berpendapat bahawa peguam plaintif tetap bertanggungjawab untuk mematuhi keperluan yang ditetapkan dalam Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012. Aturan 55 k 3 tidak mewajibkan penyerahan hanya notis rayuan termeterai disampaikan kepada responden di dalam satu rayuan. Dengan itu, hujahan plaintif bahawa serahan notis rayuan termeterai hanya boleh dilakukan selepas penerimaan salinan termeterai daripada Pejabat Pendaftaran Mahkamah Tinggi Melaka adalah tersasardan tidak relevan (lihat keputusan Mahkamah Rayuan di dalam *Redang Paradise Vacation Sdn Bhd v Yap Chuan Bin and other appeals* [2017] 5 MLJ 35; [2017] 10 CLJ 296; [2017] 1 LNS 1326; [2018] 2 MLRA 421).

[21] Mahkamah ini turut mengambil maklum keputusan Mahkamah Rayuan dalam kes *Tong Kim Soo v Tirai Prospektif Sdn Bhd* [2019] MLJU 946; [2020] 3 CLJ 353; [2019] MLRAU 296 di mana mahkamah tidak harus terlalu bersedia untuk membatalkan rayuan hanya atas isu teknikal tanpa peluang diberikan kepada pihak-pihak untuk membetulkan ketidakpatuhan dan juga tanpa penilaian merit rayuan selaras dengan peruntukan A 1A, Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012. Walaupun begitu, adalah menjadi prinsip undang-undang yang jelas dan mantap bahawa pematuhan kepada peruntukan had masa di bawah k 55 adalah wajib (lihat kes *Abdul Hamid Mohd Amin v Ramacon Corporation Sdn Bhd* [2016] 3 CLJ 111; [2015] MLRHU 1116).

[22] Mahkamah merujuk kepada keputusan Mahkamah Persekutuan dalam kes *Duli Yang Amat Mulia Tunku Ibrahim Ismail Ibni Sultan Iskandar Al-Haj Tunku Mahkota Johor v Datuk Captain Hamzah bin Mohd Noor and another appeal* [2009] 4 MLJ 149; [2009] 4 CLJ 329; [2009] 1 MLRA 528 di mana telah diputuskan kata-kata 'technical noncompliance' di dalam A 1A, Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 hanya merujuk kepada peruntukan yang tidak bersifat asas atau wajib. Maka, bidangkuasa mahkamah di bawah A 1A tidak hanya terhad kepada pertimbangan isu ketidakpatuhan teknikal, tetapi

juga perlu mengambil kira keadilan kes tertakluk kepada sifat ketidakpatuhan itu:

> [47] It Is now necessary to determine the meaning of the phrase '... technical non-compliance ...' in O 1A RHC as it will assist in identifying the breaches contemplated by the rule. Useful guidance is provided by the meaning of the phrase 'technical defect' considered in *Gangadhar Dandawate v Premechand Kashyap* AIR [1958] MP 182 where AH Khan J said at p 184:
>
> > It is not always easy to define what the expression 'technical defect' means. A technical defect in law is one which may come within the four corners of it, but it does not affect the merits of the case. It is a mistake which does not go to the core of the matter. Their Lordships of the Supreme Court in *Pratap Singh v Shrikrishna Gupta* AIR [1956] SC 140 (C), have observed:
> >
> > that the tendency of the Courts towards technicality is to be deprecated, that it is the substance that counts and must take precedence over mere form. Some rules are vital and go to the root of the matter: they cannot be broken; others are only directory and a breach of them can be overlooked provided there is substantial compliance with the rules read as whole and provided no prejudice ensues; and when the legislature does not itself state which is which, judges must determine the matter, and, exercising a nice discrimination, sort out one class from the other along broad based, common sense lines. This principle was enunciated by Viscound Maugham in *Punjab Co-operative Bank Ltd, Amritsar v Income-tax Officer, Lahore* AIR [1940] PC 230 (D).
>
> [48] *In the context of the Rules of the High Court 1980 the phrase ' ... technical non-compliance ...' is thus a reference to noncompliance with a rule which is not fundamental or mandatory in nature.*
>
> [49] The *Malaysian Court Practice 2007 Desk Ed* lists at p 9, a failure to renew a writ for service as a breach of a fundamental kind. The answer to the first question also shows that O 6 r 7(2)(2A) RHC which deals with the service of a writ is mandatory. It follows that O 1A RHC cannot be invoked to cure the failure to comply with the prerequisites O 6 r 7(2A) RHC.
>
> [50] As I had mentioned in court, if O 1A is sought to be invoked whenever a party fails to comply with any provision of the rules, then the whole of the Rules of the High Court 1980 would be rendered useless. For example, can failure to enter appearance or file defence within the specified period be considered as an irregularity? Of course it cannot be. A party who is late in filing the relevant papers must obtain an order from the court to extend the time, if such extension is required and is permitted by the Rules. Therefore, the answer to question two is in the negative.

[23] Mahkamah Rayuan dalam kes *Chen Kong Theatres Sdn Bhd (in liquidation) & Ors v Lee Giok Tee @ Lee Kim Hong & Anor* [2018] 6 MLJ 586; [2018] 8 CLJ 10; [2018] MLRAU 137 (MR) telah memutuskan bahawa kegagalan untuk menyerahkan notis rayuan mengikut had masa yang ditetapkan akan menyebabkan ketidakaturan dalam rayuan dan satu

permohonan untuk melanjutkan masa wajib dikemukakan supaya mahkamah dapat mempertimbangkan merit perlanjutan masa tersebut:

> [13] The three appellants filed a notice of appeal on 15 December 2016. The appellants admit that the notice of appeal was not served on the liquidator. In fact, till to date, none has been served. Only the record of appeal was served on the liquidator and that was on 30 March 2017 while the fast date for its service was on 17 February 2017. There are no applications to extend and/or abridge time for service of the notice of appeal or even the record of appeal.
>
> [14] It is trite that any party who is 'directly affected by the appeal' within the meaning in r 6 must be served the notice of appeal. Rule 6 is mandatory in its terms the failure of which renders the appeal incompetent. Although the Court of Appeal in *Majlis Perbadanan Kangar v Sonati Development Corp Sdn Bhd* [2007] 1 MLJ 133 following the earlier Court of Appeal decisions in *Soh Keng Hian v American International Assurance Co Ltd* [1996] 1 MLJ 191 and *Gurbachan Singh v Seagrott & Campbell (No 2)* [1962] 1 MLJ 370 held that an appeal which was not served at the time of appeal is not incompetent but irregular, and that it was open to the court to deal with the irregularity in such manner and upon such terms as this court 'shall think fit', it may only do so upon application by the appellants. In such applications, reasons must be offered. Since there are no such applications before us, despite the appellants being aware of the non-service of the notice of appeal, we are constrained to agree with the respondent and the counsel acting for the liquidator that the appropriate order is to strike out the appeal.
>
> [21] Given that there is no application before us to remedy that position, including one to extend time for service we cannot see how the present appeal can remain int the list as a competent appeal. We also note that the other two applications filed by the appellants do not attend to these concerns at all.

[24] Berpandukan perbincangan di atas, mahkamah mendapati bahawa peguam plaintif telah melanggar peruntukan A 55 k 3(4) apabila menyampaikan notis rayuan pada 25 April 2024, melebihi tempoh 14 hari dari tarikh pemfailan notis rayuan pada 5 April 2024 dan juga telah melanggar A 55 k 4(8) apabila menyerahkan rekod rayuan pada 16 Mei 2024, iaitu lebih daripada had satu bulan dari tarikh notis rayuan.

[25] Selanjutnya pihak plaintif telah gagal untuk memfailkan satu permohonan terlebih dahulu untuk melanjutkan masa penyampaian seperti yang ditetapkan dalam keputusan kes *Ratnam v Cumarasamy & Anor* [1965] 1 MLJ 228; [1964] CLJU 237; [1964] 1 LNS 237; *Gan Hay Chong v Siow Kian Yuh & Anor* [1975] 2 MLJ 129; [1975] CLJU 42; [1975] 1 LNS 42; dan *Lee Guat Eng v Tan Lian Kim* [1985] 2 MLJ 196; [1985] CLJU 26; [1985] 1 LNS 26.

[26] Maka, mahkamah mendapati bahawa plaintif telah gagal melepaskan beban untuk membetulkan ketidakpatuhan terhadap peruntukan dan ketidakaturan penyampaian notis rayuan dan rekod rayuan melalui satu

permohonan di hadapan mahkamah ini. Pada pendapat mahkamah, percubaan untuk memperbetulkan keadaan pada pendengaran rayuan ini adalah tidak wajar. Beban untuk menentukan sama ada rayuan ini difailkan mengikut kehendak Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 terletak pada plaintif sebagai perayu, dan bukan menjadi beban defendan kedua sebagai responden untuk memfailkan satu permohonan di mahkamah untuk membatalkan rayuan plaintif. Defendan kedua berhak untuk mengambil kesempatan ke atas apa jua kelemahan teknikal dalam kes perayu dan niat untuk membangkitkan bantahan awal telah dimaklumkan kepada plaintif sebelum pendengaran rayuan. Dengan demikian, mahkamah menerima bantahan awal defendan kedua dan memutuskan bahawa bantahan ini adalah mencukupi untuk menolak rayuan ini.

MERIT RAYUAN

[27] Untuk melengkapkan penilaian terhadap merit rayuan, setelah mempertimbangan hujahan-hujahan, mahkamah mendapati plaintif telah gagal membuktikan satu kausa tindakan terhadap defendan kedua-kedua atas pertimbangan, antara lainnya:

(a) tidak ada keterangan yang menunjukkan bahawa defendan pertama telah diberikan kuasa atau izin untuk memasuki kontrak tersebut atas nama atau bagi pihak defendan kedua sebagai Perbadanan induk;

(b) tidak ada keterangan yang menunjukkan bahawa defendan kedua telah membuat apa-apa representasi atau tindakan yang menyebabkan plaintif mempercayai bahawa defendan pertama telah bertindak atas satu kuasa atau izin dari defendan kedua;

(c) tidak ada keterangan yang menunjukkan bahawa plaintif pernah berurusan dengan defendan kedua bagi tujuan tender dan awad kontrak;

(d) mahkamah tidak mendapati bahawa Akta Persekutuan Pengakap-Pengakap Malaysia (Pemerbadanan) 1968 (Disemak 2016) dan Prosedur Organisasi dan Peraturan Persekutuan Pengakap Malaysia 2010 memperuntukkan bahawa defendan kedua bertanggungan secara bersama atau 'vicarious' terhadap kontrak yang dimasuki oleh Majlis Pengakap Negeri tanpa izin atau kuasa Perbadanan; dan

(e) defendan kedua tidak pernah menjadi pihak kepada tender, awad dan kontrak berkenaan.

KESIMPULAN DAN KEPUTUSAN

[28] Mahkamah menerima bantahan awal pihak defendan kedua dan menolak rayuan plaintif atas pertimbangan bahawa tiada satu rayuan yang sah telah dibawa ke hadapan mahkamah ini. Di samping itu, mahkamah tidak

mendapati terdapat merit atas isu-isu substatif yang menjadi inti rayuan ini. Kos sebanyak RM2,500 diperintahkan.

Bantahan awal defendan kedua diterima; rayuan plaintif ditolak dengan kos sebanyak RM2,500.

Dilaporkan oleh Dzulqarnain Ab Fatar